



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***FAKTOR PERIBADI, PERSEKITARAN DAN INTENSITI PENDIDIKAN
PENGGUNA TERHADAP LITERASI UNDANG-UNDANG PENGGUNA
DALAM KALANGAN PENGGUNA DI MALAYSIA***

NORHAFIFAH BINTI SAMSUDIN

FEM 2021 6



**FAKTOR PERIBADI, PERSEKITARAN DAN INTENSITI PENDIDIKAN
PENGGUNA TERHADAP LITERASI UNDANG-UNDANG PENGGUNA
DALAM KALANGAN PENGGUNA DI MALAYSIA**

Oleh

NORHAFIFAH BINTI SAMSUDIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**FAKTOR PERIBADI, PERSEKITARAN DAN INTENSITI PENDIDIKAN
PENGGUNA TERHADAP LITERASI UNDANG-UNDANG PENGGUNA
DALAM KALANGAN PENGGUNA DI MALAYSIA**

Oleh

NORHAFIFAH BINTI SAMSUDIN

Januari 2021

Pengerusi : Profesor Madya Elistina binti Abu Bakar, PhD
Fakulti : Ekologi Manusia

Literasi undang-undang pengguna bermaksud pengguna menyedari, mengetahui dan memahami tentang maklumat berkaitan undang-undang. Literasi ini merangkumi undang-undang tentang isu keselamatan pengguna, label ataupun logo, pembekalan barangan dan perkhidmatan, tanggungjawab pengguna dan mekanisme tebus rugi. Pelbagai isu pengguna telah timbul menunjukkan kelemahan pengguna sebagai pembeli dan ketamakan pemasar dengan mempergunakan kelemahan pengguna sebagai satu strategi pemasaran. Pelbagai program pendidikan pengguna telah dijalankan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Namun begitu, sejauhmana ia memberi kesan dalam mendidik pengguna masih menjadi persoalan sehingga kini. Oleh itu, kajian tentang literasi undang-undang pengguna sangat penting bagi memastikan pengguna tahu hak dan tanggungjawab mereka. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti faktor peramal yang mempengaruhi literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia seterusnya menentukan kesan pengantara intensiti pendidikan pengguna terhadap faktor peramal dan literasi undang-undang pengguna. Teori Sosial Kognitif dan Teori Aktiviti telah digunakan bagi pembentukan kerangka kajian. Kajian ini melibatkan kutipan data secara kuantitatif. Seramai 500 responden telah terlibat dalam kaji soal selidik ini yang dipilih secara persampelan rawak berperingkat yang dipilih mengikut zon di Malaysia iaitu zon utara, selatan, timur, barat dan Malaysia timur. Negeri yang terlibat adalah Perak, Johor, Kelantan, Selangor dan Sabah. Pengumpulan data kajian turut melibatkan responden di bandar dan luar bandar. Instrumen kajian ini merangkumi lapan bahagian iaitu bahagian demografi responden, literasi undang-undang, identiti diri, nilai, rakan, sistem pendidikan, intensiti pendidikan pengguna dan budaya. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23, WINSTEP (Rasch) dan Analysis of Moment Structure (AMOS) versi 24. Bagi faktor identiti diri, rakan dan intensiti pendidikan pengguna berada di tahap sederhana. Manakala, untuk faktor nilai, budaya dan sistem pendidikan berada di tahap tinggi. Faktor peramal yang paling mempengaruhi literasi undang-undang ialah identiti diri (β)

= 1.310, C.R = 2.915, p = 0.004), sistem pendidikan (β = 1.338, C.R = 3.440, p = 0.000), budaya (β = 1.334, C.R = 1.985, p = 0.047) dan intensiti pendidikan pengguna (β = 2.149, C.R = 2.119, p = 0.034). Faktor yang tidak mempengaruhi ialah nilai (β = 0.336, C.R = 0.212, p = 0.113) dan rakan (β = 0.133, C.R = 0.325, p = 0.745). Intensiti pendidikan pengguna, hanya merupakan faktor pengantara antara budaya dan literasi undang-undang pengguna. Model yang dibentuk menerangkan 23 peratus literasi undang-undang pengguna di Malaysia. Kajian ini dapat memberi implikasi kepada pengguna, kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan pemasar bagi menggubal dasar dan membentuk program kepenggunaan seperti menyemak kembali Dasar Pengguna Negara bagi memberi penekanan dalam aspek literasi undang-undang pengguna. Bagi program kepenggunaan, modul program yang dihasilkan dapat membantu pengguna mempunyai perlindungan sendiri yang mampu melindungi diri mereka sekiranya berhadapan dengan isu kepenggunaan. Satu sistem pendidikan yang teratur dan budaya di dalam sesuatu komuniti adalah perlu untuk meningkatkan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

PERSONAL FACTORS, ENVIRONMENT AND INTENSITY OF CONSUMER EDUCATION ON CONSUMER LEGAL LITERACY AMONG CONSUMERS IN MALAYSIA

By

NORHAFIFAH BINTI SAMSUDIN

January 2021

Chairman : Associate Professor Elistina binti Abu Bakar, PhD
Faculty : Human Ecology

Consumer legal literacy means whether the consumers have the knowledge, able to apply the information when they are making transactions, and more likely know how to seek redress. In this research, consumer legal literacy covers laws on consumer safety, labels or logos, supply of goods and services, consumer responsibilities and redress mechanism. There are several issues reflecting consumer weaknesses and marketers will utilise these weaknesses as their marketing strategies. Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs has organised lots of consumer education programs. Nevertheless, the extent to which these programs are successful to increase consumer legal literacy is unknown. The objective of this article is to analyze the determining factors of consumer legal literacy as well as to identify the mediating effect of intensity consumer education towards consumer legal literacy among Malaysian consumers. Research framework has been developed by using Social Cognitive Theory and Activity Theory. Quantitative method by using a questionnaire has been used in data collection. A survey was conducted among 500 respondents which were chosen through multistage random sampling among the four zones in Malaysia which were North, South, East, West and East Malaysia. The states were Perak, Johor, Kelantan, Selangor and Sabah. The data collection involving citizens at urban and rural areas. There were eight parts of research instrument which were the background of the respondents, consumer legal literacy, self identity, value, peers, education system, intensity of consumer education and culture. The data was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 23, WINSTEP (Rasch) and Analysis of Moment Structure (AMOS) version 24. Self-identity, peers and intensity of consumer education were found at the moderate level. However, value, culture and education system were in the high level. The most influential factors towards consumer legal literacy were self-identity ($\beta = 1.310$, C.R = 2.915, $p = 0.004$), education system ($\beta = 1.338$, C.R = 3.440, $p = 0.000$), culture ($\beta = 1.334$, C.R = 1.985, $p = 0.047$) and intensity of consumer education ($\beta = 2.149$, C.R = 2.119, $p = 0.034$). Value ($\beta = 0.336$, C.R = 0.212, $p = 0.113$) and peers ($\beta = 0.133$, C.R = 0.325, $p = 0.745$) did not influence consumer legal literacy. The developed model can

explain 23 percent of the variance in consumer legal literacy. The research gives a great implication to consumers, government, non-government organizations and marketers to review the National Consumer Policy and to conduct consumers programs by focussing on consumer legal literacy. Secondly, modules of consumer program can be developed and act as a guidance to guide consumers in increasing their self-awareness when dealing with consumers' problems. To increase consumer legal literacy among consumers in Malaysia, education system must be restructure and good consumer culture must be inculcated in the community.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, dengan limpah rahmat yang dikurniakan akhirnya tesis ini berjaya disiapkan seperti mana yang telah diamanahkan. Walaupun terdapat banyak halangan dan masalah yang dihadapi sepanjang menyiapkannya. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Elistina Abu Bakar selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan membantu dalam menghasilkan tesis ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Prof. Madya. Dr. Afida Mastura Binti Muhammad Arif dan Dr. Zuroni Md Jusoh selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang telah banyak memberikan panduan serta tunjuk ajar.

Tidak dilupakan kepada para pensyarah dan staf Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia yang turut memberikan dorongan dan semangat. Jutaan terima kasih diucapkan kepada ibu bapa iaitu Samsudin Hj Yaacob dan Zahara Binti Hassan serta keluarga yang banyak memberikan sokongan dan menyuntik semangat dalam menyiapkan tesis ini. Rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama mengharungi dalam menyiapkan tesis dan memberi tunjuk ajar. Terima kasih diucapkan buat semua yang telah membantu bagi menghasilkan tesis ini. Semoga bantuan dan pengorbanan yang disumbangkan mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Elistina binti Abu Bakar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Afida Mastura binti Muhammad Arif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Zuroni binti Md Jusoh, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 09 September 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan :

Norhafifah

Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik : Norhafifah binti Samsudin, GS49856

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya

Dr. Elistina binti Abu Bakar

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor. Madya

Dr. Afida Mastura binti Muhammad Arif

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Zuroni binti Md Jusoh

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Persoalan Kajian	11
1.4 Objektif Am	11
1.5 Objektif Khusus	12
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.8 Skop dan Limitasi Kajian	16
1.9 Definisi Istilah	17
1.9.1 Literasi	17
1.9.2 Undang – Undang Pengguna	17
1.9.3 Literasi undang-undang pengguna	17
1.9.4 Hak pengguna	18
1.9.5 Nilai	18
1.9.6 Identiti diri	18
1.9.7 Sistem Pendidikan	19
1.9.8 Intensiti Pendidikan Pengguna	19
1.9.9 Budaya	19
1.10 Rumusan	20
 2 KAJIAN LITERATUR	 21
2.1 Pendahuluan	21
2.2 Literasi Undang-Undang Pengguna Dalam Konteks Pendidikan Dan Dayaupayaan Pengguna Di Malaysia	21
2.3 Kajian Berkaitan Literasi Undang-Undang Pengguna	24
2.4 Faktor Peribadi Literasi Undang-Undang Pengguna	28
2.4.1 Identiti diri	29
2.4.2 Nilai	30
2.5 Faktor Persekitaran Literasi Undang-Undang Pengguna	32
2.5.1 Rakan	32
2.5.2 Sistem Pendidikan	33
2.5.3 Budaya	34
2.6 Intensiti Pendidikan Pengguna	35

2.7	Kerangka Teoritikal	36
2.7.1	Teori Sosial Kognitif Bandura (1986)	37
2.7.2	Teori Aktiviti Engestrom (1987)	40
2.8	Kerangka Konseptual Faktor Peribadi, Persekitaran dan Intensiti Pendidikan Pengguna Terhadap Literasi Undang-Undang Pengguna dalam Kalangan Pengguna di Malaysia	43
2.9	Rumusan	44
3	METODOLOGI	45
3.1	Pendahuluan	45
3.2	Rekabentuk Kajian	45
3.3	Lokasi Kajian	45
3.4	Prosedur Persampelan	46
3.5	Saiz Sampel Bagi Kajian Tinjauan	50
3.6	Instrumen	52
3.7	Pra-Uji	70
3.7.1	Ujian Kebolehpercayaan Pra-Uji	70
3.7.2	Kesahan Instrumen Pada Peringkat Pra-Uji	70
3.8	Analisis Data Eksploratori	71
3.8.1	Proses Data	71
3.8.2	Missing Value	71
3.8.3	Nilai Ekstrim	71
3.8.4	Normaliti	72
3.9	Analisis Kajian	72
3.9.1	Analisis Deskriptif	72
3.9.2	Analisis Faktor	73
3.9.3	Model Pengukuran Rasch	79
3.9.4	Korelasi Pearson	85
3.9.5	Model Persamaan Struktur (<i>Structural Equation Modeling</i> , SEM) menggunakan Perisian Analysis of Moment Structural (AMOS)	86
3.9.5.1	Senarai Pemboleh Ubah di dalam SEM	87
3.9.6	Model Pendekatan Regrasi untuk Menguji Kesan Pengantara	90
3.9.6.1	Model Pengukuran Literasi Undang-Undang Pengguna	92
3.9.7	Keputusan CFA	105
3.10	Rumusan	106
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	107
4.1	Pengenalan	107
4.2	Latar Belakang Responden	107
4.3	Literasi Undang-Undang Pengguna di Malaysia	109
4.4	Identiti diri	117
4.5	Nilai	118
4.6	Rakan	119
4.7	Sistem pendidikan	120
4.8	Budaya	121

4.9	Intensiti Pendidikan Pengguna Kekurangan Media	122
4.10	Intensiti Pendidikan Pengguna Kekurangan Bahan	123
4.11	Pengujian Hipotesis	124
4.11.1	Keputusan Faktor Peramal Literasi Undang-Undang Pengguna di Malaysia	125
4.11.2	Identiti diri	127
4.11.3	Nilai	128
4.11.4	Sistem pendidikan	129
4.11.5	Budaya	131
4.11.6	Rakan	132
4.11.7	Intensiti Pendidikan Pengguna	132
4.12	Ujian Kesan Pengantara	134
4.13	Ringkasan Ujian Hipotesis	143
4.14	Rumusan	144
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	145
5.1	Pengenalan	145
5.2	Ringkasan Kajian	145
5.3	Kesimpulan Kajian	147
5.4	Implikasi Kajian	151
5.4.1	Dasar Kerajaan	151
5.4.2	Implikasi Praktikal	154
5.4.3	Metodologi Kajian	157
5.4.4	Implikasi Teoritikal	157
5.5	Cadangan Kajian akan Datang	158
	RUJUKAN	159
	LAMPIRAN	182
	BIODATA PELAJAR	217
	SENARAI PENERBITAN	218
	SENARAI ANUGERAH	220

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Undang-Undang Pengguna	6
3.1 Pengagihan Lokasi Kajian	46
3.2 Kawasan Bandar dan Luar Bandar Terpilih	46
3.3 Pemilihan Pusat Membeli Belah di Bandar	48
3.4 Pemilihan Pusat Membeli Belah di Luar Bandar	49
3.5 Jadual Saiz Sampel yang Ditentukan Berdasarkan Populasi	50
3.6 Bilangan Responden Mengikut Negeri	51
3.7 Pengiraan Responden mengikut Bandar dan Luar Bandar untuk Setiap Negeri	51
3.8 Item untuk literasi undang-undang berdasarkan Perbincangan Kumpulan Berfokus Pertama	53
3.9 Item untuk Literasi Undang-undang Pengguna Berdasarkan Perbincangan Kumpulan Berfokus Kedua	55
3.10 Item Literasi Undang-undang Pengguna berdasarkan Perbincangan Kumpulan Berfokus Ketiga	57
3.11 Kandungan Ketiga-tiga Perbincangan Kumpulan Berfokus	58
3.12 Instrumen Literasi Undang-Undang Pengguna di Malaysia	69
3.13 Skor Kebolehpercayaan Pra-Uji	70
3.14 Nilai <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	72
3.15 Keputusan Ujian KMO dan Bartlett's	73
3.16 Jumlah Varians	74
3.17 Item Tergugur Literasi Undang-Undang Pengguna	75
3.18 Label ataupun Logo	76
3.19 Mekanisma Tuntutan Ganti Rugi	77

3.20	Isu Keselamatan Pengguna	77
3.21	Pembekalan Barangan dan Perkhidmatan Pengguna	78
3.22	Tanggungjawab pengguna	79
3.23	Kebolehpercayaan dan Indeks Pengasingan Literasi Undang-Undang Pengguna	82
3.24	Item <i>Fit</i> Dan Item <i>Misfit</i> Untuk Tiga Item Yang Digugurkan	83
3.25	Analisis Polariti Item (PTMEA)	84
3.26	Analisis Korelasi Pearson	85
3.27	Simbol Structural Equation Modeling, SEM	86
3.28	Nilai Factor Loadings, Composite Reliability dan Average Variance Extracted (AVE) Bagi Setiap Pemboleh Ubah	89
3.29	Kategori dan Tahap Penerimaan Indeks	92
3.30	Item Dikekalkan Bagi Konstruk Identiti Diri	93
3.31	Item Tergugur Untuk Konstruk Nilai	94
3.32	Item Dikekalkan Dalam Konstruk Nilai	95
3.33	Item Tergugur Bagi Konstruk Rakan	96
3.34	Item Dikekalkan Bagi Konstruk Rakan	97
3.35	Item Tergugur Bagi Konstruk Sistem Pendidikan	97
3.36	Item Dikekalkan Bagi Konstruk Sistem Pendidikan	98
3.37	Item Tergugur Bagi Konstruk Budaya	99
3.38	Item Dikekalkan Bagi Konstruk Budaya	100
3.39	Item Tergugur Bagi Kekerapan Media	100
3.40	Item Dikekalkan Bagi Konstruk Kekerapan Media	101
3.41	Item Tergugur Bagi Konstruk Kekerapan Bahan	102
3.42	Item Dikekalkan Bagi Konstruk Kekerapan Bahan	103
3.43	Item Tergugur Bagi Model Pengukuran	105

3.44	Keputusan CFA	106
4.1	Latar Belakang Responden (n=500 Orang)	108
4.2	Literasi Isu Keselamatan Pengguna	110
4.3	Literasi Label ataupun Logo	111
4.4	Literasi Pembekalan Barangan dan Perkhidmatan Pengguna	113
4.5	Literasi Tanggungjawab Pengguna	114
4.6	Literasi Mekanisma Tuntutan Ganti Rugi	115
4.7	Literasi Undang-Undang Pengguna di Malaysia	116
4.8	Skor Purata Identiti diri	118
4.9	Skor Purata Nilai	119
4.10	Skor Purata Rakan	120
4.11	Skor Purata Sistem Pendidikan	120
4.12	Skor Purata Budaya	122
4.13	Skor Kekerapan Media Pengguna	123
4.14	Skor Kekerapan Bahan Pengguna	124
4.15	Anggaran Parameter (Regression Weight) Bagi Model Hipotesis Langsung	127
4.16	Rumusan Model Fit Model Faktor Peribadi, Persekitaran dan Intensi Pendidikan Pengguna Literasi Undang-Undang Pengguna Dalam Kalangan Pengguna Di Malaysia	134
4.17	<i>Baseline comparison</i> , RMSEA dan SRMR	134
4.18	Jadual Panduan Model Intensiti Pendidikan Pengguna sebagai Pengantara	135
4.19	Jadual Panduan Pengantara Baron dan Kenny (1986)	138
4.20	Keputusan Ujian Pengantara Konstruk Identiti Diri Melalui Intensiti Pendidikan Pengguna	139
4.21	Keputusan Ujian Pengantara Konstruk Nilai Melalui Intensiti Pendidikan Pengguna	140

4.22	Keputusan Ujian Pengantara Konstruk Sistem Pendidikan Melalui Intensiti Pendidikan Pengguna	141
4.23	Keputusan Ujian Pengantara Konstruk Budaya Melalui Intensiti Pendidikan Pengguna	142
4.24	Keputusan Ujian Pengantara Konstruk Rakan melalui Intensiti Pendidikan Pengguna	143
4.25	Ringkasan Ujian Hipotesis	144



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Konsep Perlindungan Pengguna	4
2.1 Kerangka Kerja berdasarkan Teori Sosial Kognitif Bandura (1986)	39
2.2 Kerangka Kerja berdasarkan Teori Aktiviti Engestrom 1987	41
2.3 Kerangka Konseptual Faktor Peribadi, Persekitaran dan Intensiti Pendidikan Pengguna Terhadap Literasi Undang- Undang Pengguna dalam Kalangan Pengguna di Malaysia	43
3.1 <i>Scree Plot</i> Literasi Undang-Undang Pengguna di Malaysia	74
3.2 Model Pendekatan Regrasi untuk Menguji Kesan Pengantara	91
3.3 Model Pengukuran Bagi Konstruk Identiti diri	93
3.4 Model Pengukuran Bagi Konstruk Nilai	95
3.5 Model Pengukuran Bagi Konstruk Rakan	96
3.6 Model Pengukuran Bagi Konstruk Sistem Pendidikan	98
3.7 Model Pengukuran Bagi Konstruk Budaya	99
3.8 Model Pengukuran Bagi Konstruk Kekerapan Media	101
3.9 Model Pengukuran Bagi Konstruk Kekerapan Bahan	102
3.10 Model Pengukuran	104
4.1 Keputusan Model Struktur	126
4.2 Model Intensiti Pendidikan Pengguna sebagai Pengantara	136
4.3 <i>Direct Model</i> Intensiti Pendidikan Pengguna sebagai Pengantara	136
4.4 <i>Full Mediation Model</i> Intensiti Pendidikan Pengguna sebagai Pengantara	137

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A 1 Surat Etika Universiti Putra Malaysia	182
A 2 Surat Lantikan Penterjemah	183
A 3 Soal Selidik	184
B 1 Rajah Plot Q-Q	200
C 1 Senarai Bandar dan Luar Bandar	204
C 2 <i>Factor Loading</i> Literasi Undang-Undang Pengguna di Malaysia	210
C 3 Jadual Nilai <i>Infit</i> MNSQ dan <i>Outfit</i> MNSQ	214

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Pengguna adalah individu ataupun kumpulan yang mengguna, memiliki, mengekal atau melupus produk atau perkhidmatan untuk mengekalkan kepuasan hidup, memenuhi keperluan mereka dan meningkatkan kualiti hidup mereka (Elizabeth, 2009; Nguyen et al., 2020). Selain itu, menurut Akta Perlindungan Pengguna 1999 (APP), melalui Seksyen 3 APP telah memberi definisi yang lengkap di mana pengguna di bawah undang-undang ialah mereka yang memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan daripada jenis yang lazimnya diperoleh bagi maksud penggunaan diri, rumah tangga atau isi rumah tetapi bukan untuk tujuan membekalkan barangan tersebut secara perdagangan atau menggunakannya dalam suatu proses pengilangan. Definisi ini adalah penting kerana menghuraikan ciri-ciri pengguna agar mereka dilindungi dan berupaya untuk menuntut ganti rugi melalui mekanisme tebus rugi yang dikhaskan kepada pengguna seperti Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia sekiranya hak mereka dicabuli.

Menurut Lin et al. (2020), pengguna dalam era globalisasi ini perlu berpengetahuan untuk mengejar perubahan ekonomi pengguna yang sentiasa bergerak pantas sehingga ke serata dunia. Perkara ini telah dibangkitkan dalam persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang bertarikh 25 September 2015 tentang Matlamat Pembangunan Mampan (MPM). Malaysia turut menjadikan MPM sebagai asas untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju. Menurut Laporan Penilaian Nasional Matlamat Pembangunan Mampan (2017), antara 17 matlamat yang digariskan ialah tiada kemiskinan, kelaparan sifar, kesihatan baik dan kesejahteraan, pendidikan berkualiti, kesaksamaan gender, air bersih dan sanitasi, tenaga berpatutan dan bersih, pekerjaan yang sesuai dan pembangunan ekonomi, industri, inovasi dan infrastruktur, mengurangkan ketidaksamaan, bandar dan masyarakat mampan, penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab, tindakan terhadap iklim, kehidupan dalam air, kehidupan di darat, keamanan, keadilan dan pertubuhan kukuh dan kerjasama demi matlamat. Sehubungan dengan itu, kesemua matlamat ini dapat dicapai sekiranya pengguna mempunyai literasi dalam diri mereka terutama matlamat ke-4 MPM iaitu untuk memastikan pendidikan yang berkualiti, inklusif dan saksama disamping menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua peringkat masyarakat.

Tambahan pula, Laporan Dasar Kebangsaan Industri 4WRD (2018), menjelaskan bahawa Revolusi Industri 4.0 mementingkan masyarakat Malaysia yang mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan produk pengguna pada masa hadapan. Jamilah et al. (2011) dan Huhmann (2017), turut menyatakan dalam kajian mereka bahawa literasi mampu menjadikan masyarakat faham, arif dan mahir dalam membuat sesuatu keputusan kepenggunaan. Perkara ini dapat memenuhi Revolusi

Industri 4.0 sekiranya pengguna merupakan seorang yang literasi. Oleh itu, bagi memenuhi Revolusi Industri 4.0, literasi pengguna sangat penting dalam memastikan agenda kerajaan dapat dipenuhi termasuk berkaitan hak dan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang.

Individu yang berliterasi atau berpengetahuan akan lebih memahami, berkemahiran serta berupaya memberi tindak balas yang tepat dalam menjalani aktiviti kehidupan mereka (Sabri & Hashim, 2017). Pengguna yang berliterasi akan menjadikan mereka seorang individu yang berdayaupaya dan memainkan peranan yang efektif dalam sesebuah masyarakat (Freire & Macedo, 1987; Huhmann, 2017; Jamilah et al., 2011; Zariski, 2011). Menurut Norhafifah et al. (2018) dan Pandey dan Shukkur (2017), antara literasi yang penting dalam pendayaupayaan pengguna ialah literasi undang-undang. Elizabeth (2009) dan Pandey dan Shukkur (2017) ada menjelaskan bahawa literasi undang-undang ialah kemahiran untuk menulis maklumat dan memahami sistem mahkamah untuk mencapai matlamat dalam sesebuah sistem keadilan serta ia merupakan kesedaran tentang undang-undang yang boleh membuatkan individu berani dalam mendapatkan keadilan dan memperjuangkan hak mereka sekiranya hak mereka dicabuli (Jalil et al., 2019; Zakiri, 2011). Perkara ini diperakui oleh Pertubuhan Perundangan Kanada (1992) dan Pandey dan Shukkur (2017) iaitu pengguna yang mempunyai literasi undang-undang mampu berhadapan dengan konflik perundangan dan dapat mengatasi masalah yang dihadapi tanpa diambil kesempatan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sehubungan dengan itu, amat penting bagi seorang individu untuk mempelajari undang-undang asas sebagai sebahagian usaha pendidikan di Malaysia.

Namun, di dalam kajian ini literasi undang-undang hanya menfokuskan literasi undang-undang pengguna. Afida et al. (2014) menyatakan literasi undang-undang pengguna merupakan literasi yang merangkumi hak pengguna dalam pembekalan barang dan perkhidmatan, keselamatan barang dan perkhidmatan, liabiliti produk, perlakuan yang mengelirukan dan memperdaya serta remedi pengguna. Kedua-dua literatur iaitu Elizabeth (2009) dan Afida et al. (2014) menyatakan bahawa pengguna perlu sedar, tahu dan faham tentang hak dan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang dan perkara ini dipersetujui dalam kajian Norhafifah et al. (2018). Sesetengah penulis menyamakan istilah literasi undang-undang pengguna dengan kesedaran pengguna terhadap undang-undang pengguna (Batoool & Batoool, 2018). Selain daripada mengetahui tentang hak dan tanggungjawab, Goodwin dan Maru (2017) juga menyatakan literasi undang-undang pengguna merangkumi pengetahuan dan kesedaran tentang penyelesaian aduan di bawah undang-undang serta mengetahui tempat untuk meminta bantuan sekiranya menghadapi masalah perundangan akibat ditipu oleh pemasar yang curang (Goodwin & Maru, 2017). Namun begitu, perkara ini bukan bermakna pengguna perlu diajar tentang undang-undang secara mendalam kerana mereka bukan dilatih untuk menjadi peguam tetapi cukup sekadar pengguna mempunyai asas tentang sistem perundangan, tahu tentang hak dan tanggungjawab mereka dan sumber untuk meminta bantuan (Van Schalkwyk et al., 2015; Batoool & Batoool, 2018).

Pengguna mempunyai hak dan tanggungjawab iaitu hak untuk mendapat keperluan asas, hak untuk mendapat keselamatan, hak untuk mendapat maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk bersuara, hak untuk mendapat ganti rugi, hak untuk mendapat pendidikan pengguna dan hak untuk mendapat alam sekitar yang sihat dan selamat. Seterusnya, tanggungjawab pengguna ialah kesedaran untuk mengkritik, penglibatan dan tindakan, tanggungjawab sosial, bersatu padu dan tanggungjawab terhadap alam sekitar (KPDNHEP, 2020). Hak dan tanggungjawab ini telah digariskan di bawah undang-undang dan ia kurang bermakna sekiranya pengguna tidak mengetahui berkaitan dengannya (Azimon et al., 2012). Oleh sebab itu, kajian ini akan menfokuskan tentang literasi undang-undang pengguna agar ia dapat dipertingkatkan di Malaysia bagi melahirkan masyarakat pengguna yang tahu tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai seorang pengguna dan seterusnya dapat membuat keputusan yang bijak apabila berhadapan dengan pemain industri di pasaran.

Perubahan yang besar turut dibawa oleh Revolusi Industri 4.0 dari sudut penghasilan produk. Apabila Revolusi Industri 4.0 berlaku, pengeluaran dan pengilang menjadi kurang peka terhadap isu keselamatan dan kualiti produk mereka (Jalil & Zakaria, 2016; Karagiannis et al., 2019). Lantaran itu, telah wujud undang-undang untuk melindungi pengguna dari penghasilan produk yang berbahaya dan tidak berkualiti. Dalam hal ini, literasi undang-undang pengguna adalah perlu bagi melindungi pengguna kerana kejahilan pengguna itu sendiri dalam memahami kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, inovasi sains dan teknologi serta penghasilan pelbagai produk yang kompleks di pasaran pengguna (Abyad, 2017; Guibault, 2017). Sekurang-kurangnya apabila pengguna tahu membaca label mereka akan faham sama ada sesuatu produk itu selamat atau sebaliknya. Pelabelan adalah sesuatu mekanisme perlindungan pengguna yang biasanya dinyatakan di bawah undang-undang. Oleh sebab itu, literasi undang-undang pengguna memainkan peranan penting dalam mendidik pengguna seterusnya berupaya melindungi diri mereka. Sebagai contoh, Low et al. (2016) menjelaskan bahawa keselamatan makanan bergantung terhadap setakat mana literasi pengguna dalam membaca label dan logo. Sekiranya pengguna tidak mengenali dan memahami informasi dalam label dengan betul akan menyukarkan pengguna untuk memilih produk pengguna yang selamat dan berkualiti. Bukan sahaja isu pelabelan produk pengguna tetapi pelbagai isu lain juga memerlukan pengguna mempunyai literasi undang-undang pengguna sebagai asas dalam kehidupan mereka. Antaranya ialah isu perumahan dan isu kewangan pengguna (Khan et al., 2020; Sabri et al., 2019).

Apabila individu mula sedar dan faham tentang perundangan berkaitan perlindungan pengguna menyebabkan mereka lebih berkeyakinan bukan sahaja untuk melindungi diri mereka tetapi juga mendorong mereka untuk terlibat dalam aktiviti kepenggunaan seperti menjalankan konsultasi mewakili pertubuhan ataupun badan yang melindungi pengguna (Pandey & Shukkur, 2010; 2017). Hal ini secara tidak langsung dapat melahirkan masyarakat pengguna yang lebih prihatin bukan sahaja terhadap diri mereka tetapi masyarakat sekeliling dan persekitaran. Hal ini selari dengan kajian Jalil et al. (2019) iaitu pengguna yang mengetahui tentang undang-undang pengguna dapat memahami pelaksanaan undang-undang perlindungan pengguna di Malaysia dan perkara ini secara tidak langsung dapat melindungi diri mereka tanpa mengharapkan pihak berkuasa.

Malaysia juga mempunyai pengguna yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti pengguna yang beragama Islam. Literasi undang-undang pengguna sangat penting terhadap pengguna yang beragama Islam kerana Islam amat mementingkan produk pengguna yang halal disebabkan konsep *Halalan Tayyiban* (Jalil et al., 2019). Konsep ini menyeru pengguna Islam untuk memastikan keselamatan, kualiti dan kebersihan produk pengguna terjaga sama ada produk makanan, minuman, kosmetik, farmaseutikal mahupun produk perbankan (Jalil et al., 2019). Oleh sebab itu, literasi undang-undang pengguna sangat penting supaya pengguna dapat memenuhi konsep *Halalan Tayyiban* dan memenuhi tanggungjawab sebagai seorang pengguna Islam. Sekurang-kurangnya pengguna Islam mampu mengenalpasti produk yang telah mendapat pensijilan halal dari pihak yang berautoriti diberi mandat di bawah undang-undang.

Kepentingan literasi undang-undang pengguna turut diperkatakan oleh Pleasence et al. (2017), Rachagan (1992), Ruhl (2011) dan Sharifah (2009) iaitu pengguna memerlukan perlindungan kerana kurang literasi terhadap produk, jahil berkaitan terma kontrak, bertindak secara tidak rasional dan pengguna sering berhadapan dengan ketidakseimbangan kuasa antara pengguna dan pemasar. Kajian Sakina et al. (2015) turut mendapati bahawa 53.5 peratus responden tidak mengetahui tentang kewujudan mekanisma tebus rugi dan perkara ini membuktikan lagi bahawa pengguna amat kurang literasi undang-undang dalam kehidupan mereka sehinggakan mereka tidak tahu di mana untuk membuat tuntutan ganti rugi. Rajah 1.1 menunjukkan konsep perlindungan pengguna secara jelas bahawa undang-undang pengguna dan penguatkuasaannya serta program pendidikan adalah komponen penting dalam perlindungan pengguna.



Rajah 1.1 : Konsep Perlindungan Pengguna
(Sumber : Sharifah, 2009)

Literasi undang-undang pengguna merupakan satu manifesto perundangan berobjektifkan untuk memberi perlindungan kepada pengguna (Pandey & Shukkur, 2017; Rachagan, 1992). Antara Kementerian yang melindungi pengguna ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sebelum kewujudan Akta Perlindungan Pengguna 1999 (APP) pengguna hanya dilindungi secara tidak langsung dibawah pelbagai statut. Namun begitu, selepas penubuhan APP 1999 oleh KPDNHEP pengguna lebih dilindungi melalui penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Malaysia dan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) dalam kes tuntutan ganti rugi barangan pengguna. Manakala, bagi kes kewangan yang membabitkan insurans dan bank, pengguna boleh membuat tuntutan di Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) dan bagi kes perumahan pengguna boleh membuat tuntutan di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (OFS, 2020; TTPR, 2020).

Seterusnya, dibawah Program Perlindungan Pengguna, pihak KPDNHEP telah menggubal Dasar Pengguna Negara (DPN) pada tahun 2002 dan pindaan yang terbaru ialah pada tahun 2010. DPN memastikan pendidikan pengguna yang berterusan diberi keutamaan oleh sektor awam dan swasta serta diintegrasikan dalam aktiviti pendidikan formal dan tidak formal sebagai usaha untuk melahirkan masyarakat yang adil dan harmoni. Oleh itu, kajian tentang literasi undang-undang pengguna boleh menyumbang dalam proses penambahbaikan DPN untuk memastikan ia sentiasa relevan di Malaysia.

Perlindungan sendiri pengguna turut dititikberatkan oleh DPN dengan menggariskan keperluan untuk memastikan undang-undang yang digubal demi kesejahteraan pengguna mampu merangsang keupayaan pengguna untuk melindungi diri sendiri. Selain itu, komponen literasi undang-undang pengguna merupakan satu unsur penting untuk memastikan konsep perlindungan sendiri yang diutamakan oleh DPN tercapai (Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional, 2018). Justeru itu, pengguna yang berdayaupaya serta mempunyai perlindungan sendiri harus menyiapkan diri dengan ilmu pengetahuan termasuk berkaitan perundangan pengguna (Mcgregor, 2005; Nardo et al., 2011; Pleansence et al., 2017).

Selain itu, literasi undang-undang membuatkan pengguna mengambil sikap yang lebih berhati-hati dalam setiap tindakan yang mereka lakukan dari segi membuat sebarang keputusan, mendapatkan maklumat tentang hak-hak mereka dan mengetahui tentang advokasi serta mekanisma ganti rugi (Bannister, 1996; Garman et al., 1992; Goodwin & Maru, 2017; Nardo et al., 2011). Pengguna perlu bertindak secara rasional dan berlandaskan undang-undang serta perlu fokus terhadap kepentingan diri serta pengguna lain seperti yang diutamakan dibawah undang-undang kerana apabila pengguna mempunyai literasi undang-undang, mereka akan mempunyai kuasa dalam menakluki pasaran kerana kecukupan ilmu pengetahuan dalam diri mereka (Knott et al., 2006; Pandey & Shukkur, 2017). Jadual 1.1 menyenaraikan antara contoh undang-undang utama yang berkaitan pengguna secara langsung dan tidak langsung.

Jadual 1.1 : Undang-Undang Pengguna

Bil	Nama Akta	Isu
1.	Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Sehingga 1.9.2016) (Pindaan -2017)	Tribunal Tuntutan Pengguna, Pembekalan barangan dan perkhidmatan.
2.	Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (cetakan semula 2006)	Perumahan.
3.	Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (Sehingga- 1.11.2015) (Pindaan – 2017)	Kawalan Harga Barangan dan Perkhidmatan.
4.	Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (Pindaan – 2001)	Alam Sekitar.
5.	Akta Bankrap 1967	Isu hutang yang diisytiharkan bankrap dan hak rampasan oleh bank.
6.	Akta Perihal Dagangan 2011 (Sehingga 1.7.2016) (Pindaan - 2017)	Perihal dagangan yang palsu termasuk logo halal.
7.	Akta Sewa Beli 1967 (Pindaan 2010)	Sewa beli barangan pengguna.
8.	Akta Kontrak 1950	Kontrak antara pengguna dan peniaga.
9.	Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Pindaan- 2006)	Pajak Gadai.
10.	Akta Pemberi Pinjam Wang 1951	Pinjaman wang oleh pemberi pinjam wang.
11.	Akta Makanan 1983	Keselamatan Makanan.
12.	Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993 (cetakan semula 2013)	Jualan langsung termasuk skim cepat kaya.
13.	Akta Timbang Sukat 1972 (sehingga 1.1.2009) (Pindaan – 2017)	Spesifikasi alat timbangan.
14.	Akta Kawalan Bekalan 1961(Pindaan – 2015)	Pengawalan bekalan bagi memenuhi keperluan asas pengguna.
15.	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994	Memastikan keselamatan pekerja/pengguna terjamin dengan memastikan produk yang mengandungi kandungan berbahaya di letakkan label keselamatan di persekitaran pekerjaan pengguna.
16.	Akta Perdagangan Elektronik 2006 (Sehingga 1.11.2012)	Pengiktirafan undang-undang mesej elektronik dalam urus niaga perdagangan dan memudahkan urus niaga perdagangan.
17.	Akta Larangan Kumpulan Wang Kutu 1971 (Sehingga 1.12.2011)	Melarang pendaftaran atau pelesenan perniagaan yang menganjurkan wang kutu dengan pelbagai nama seperti <i>kutu, cheetu, chit fund, hwei, tontine</i> atau sebagainya.
18.	Akta Cap Dagangan 1976 (Sehingga 1.1.2006)	Mewujudkan peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berkenaan cap dagangan dan untuk perkara lain yang berkaitan dengannya.

Oleh yang demikian, literasi undang-undang penting bagi pengguna untuk melindungi diri mereka. Maka adalah penting untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi literasi sama ada faktor peribadi atau persekitaran seperti yang digariskan dalam Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1986) dan Teori Aktiviti (Engestrom, 1987). Kedua-dua teori ini dipilih kerana ia merupakan antara teori pembelajaran individu dan faktor yang telah banyak dikaji oleh pengkaji lepas tentang proses pembelajaran individu seperti Lefrancois (2012), Lima et al. (2018), Rubenstein et al. (2018) dan Stillman et al. (2018).

Faktor peribadi merangkumi nilai dan identiti diri. Manakala, faktor persekitaran ialah rakan, sistem pendidikan dan budaya. Kesemua faktor yang dikaji akan dilihat sama ada mempengaruhi literasi serta kesan intensiti pendidikan pengguna terhadap literasi undang-undang pengguna di Malaysia. Menurut Bandura (1986), Teori Sosial Kognitif merangkumi tiga bahagian iaitu faktor peribadi, persekitaran dan tingkahlaku. Ketiga-tiga bahagian ini mempunyai hubungan antara satu sama lain yang digelar sebagai hubungan timbal balik. Bandura (1986) menjelaskan tingkahlaku individu dipengaruhi oleh faktor peribadi dan persekitaran serta kedua-dua faktor ini turut dipengaruhi melalui tingkahlaku individu. Namun begitu, kajian ini hanya menumpukan dua bahagian daripada teori ini iaitu faktor peribadi dan persekitaran seperti yang diaplikasi dalam kajian Hsu et al. (2007) yang mengkaji pengetahuan pengguna dalam bidang literasi teknologi maklumat.

Faktor peribadi terdiri daripada komponen karakter individu seperti personaliti yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pengetahuan serta tingkahlaku individu (Bandura, 1986). Manakala, Bandura (1986) menjelaskan komponen faktor persekitaran ialah keadaan persekitaran fizikal yang merangsang individu untuk bertingklaku dan mempengaruhi pengetahuan mereka. Bagi bahagian intensiti pendidikan pengguna, kajian ini telah mengadaptasi Teori Aktiviti (Engestrom, 1987) untuk menjelaskan pengantara dalam kajian ini. Teori ini menjelaskan bahawa dalam proses pembelajaran individu, input dan instrumen diperlukan bagi memudahkan proses pembelajaran individu. Perbincangan terperinci berkaitan kedua-dua ini dapat dilihat dalam Bab 2.

Kesimpulannya, pengguna yang mempunyai literasi tentang hak-hak pengguna dan perlindungan undang-undang terhadap diri mereka akan membantu mereka untuk membuat keputusan pembelian yang baik di pasaran dan melindungi diri mereka daripada tertipu dengan pelbagai amalan curang peniaga. Oleh itu, sangat penting untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi literasi undang-undang pengguna. Pada masa yang sama, perkara ini akan meningkatkan ekonomi negara dan kesejahteraan pengguna Malaysia.

1.2 Penyataan Masalah

Dunia globalisasi telah memberi impak kepada kehidupan pengguna melalui pemindahan teknologi dan keberkesanan dalam produk pengguna (Afzal et al., 2019; Mcmillan & Rodrik, 2011). Perkara ini menimbulkan banyak isu dalam kehidupan

pengguna. Afida et al. (2014) menjelaskan terdapat pelbagai isu pengguna yang timbul menunjukkan kelemahan pengguna sebagai pembeli dan ketamakan pemasar dengan mempergunakan kelemahan pengguna sebagai satu strategi pemasaran. Pelbagai program pendidikan pengguna telah dijalankan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) seperti Friends of KPDNHEP, Gerakan Pengguna Siswa dan Kelab Pengguna Sekolah dalam meningkatkan literasi pengguna di Malaysia. Namun begitu, sejauhmana ia memberi kesan dalam mendidik pengguna masih menjadi persoalan sehingga kini (KPDNHEP, 2020). Oleh itu, kajian tentang literasi undang-undang pengguna sangat penting bagi membendung isu pengguna berlarutan lebih-lebih lagi apabila kerajaan Malaysia mengutamakan MPM sebagai asas untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Literasi undang-undang perlu ditingkatkan bagi mencapai 17 matlamat yang dikemukakan dalam MPM terutamanya matlamat keempat MPM untuk memastikan pendidikan yang berkualiti, inklusif dan saksama di samping menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua peringkat masyarakat (Laporan Penilaian Nasional Matlamat Pembangunan Mampan, 2017).

Punca perkara ini terjadi adalah kerana kekurangan maklumat untuk pengguna melindungi mereka daripada penipuan, penyelewengan dan pelabelan menyebabkan pengguna mudah tertipu (European Commission, 2017). Amalan curang yang masih lagi berleluasa diamalkan oleh peniaga malahan menurut Poulouse (2020) yang menekankan bahawa sesetengah pemasar menganggap pemberian maklumat palsu kepada pengguna boleh diterima kerana ia termaktub sebagai salah satu strategi pemasaran yang digunakan oleh mereka. Tambahan pula, pengetahuan yang terhad dari sudut perundangan ternyata menyukarkan pengguna untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa pemasar yang tidak beretika (Elistina & Afida, 2020).

Kajian penerokaan literasi undang-undang sebelum ini hanya menfokuskan kepada sesuatu isu secara spesifik dan bukannya secara menyeluruh seperti kajian yang dilakukan oleh Sakina et al. (2015) tentang mekanisma tebus rugi. Beliau mendapati 53.5 peratus responden tidak mengetahui kewujudan mekanisma tebus rugi (Sakina et al., 2015). Hal ini menunjukkan kelemahan pengguna kerana tidak mengetahui maklumat asas undang-undang pengguna iaitu saluran tuntutan ganti rugi. Malahan, tahap literasi undang-undang pengguna di Malaysia berkaitan hak-hak pengguna masih rendah dengan hanya 58 peratus pengguna mengetahui tentang hak-hak pengguna di Malaysia (Jariah., 2013a). Namun kajian ini hanya berkaitan mekanisma tebus rugi sahaja dan bukannya literasi undang-undang yang menyeluruh.

Bukan sahaja masalah kurangnya pengetahuan tentang kewujudan mekanisma tebus rugi dialami oleh pengguna tetapi pengguna juga sering menghadapi pelbagai permasalahan perundangan seperti kontrak bentuk seragam dan klausa pengecualian. Kedua-dua perkara ini sering menjadi beban kepada pengguna (Elistina & Afida, 2020). Kontrak Bentuk Seragam menyebabkan pengguna menandatangani kontrak tersebut walaupun ternyata termanya tidak adil kepada pengguna. Kontrak Seragam dikhuatiri tidak memihak kepada pengguna kerana kebiasaannya ia telah ditetapkan oleh pemasar (Suzanna et al., 2011). Kontrak ini dirangka oleh satu pihak sahaja tanpa memberi ruang

kepada pihak yang satu lagi untuk merangka terma syaratnya dan akhirnya ia memberi dua pilihan sahaja kepada pengguna sama ada 'terima' atau 'tolak'. Malahan, pengguna sendiri tidak faham akan isi kandungan kontrak seragam tersebut (Suzanna et al., 2011). Seterusnya, pengguna yang tidak berpengetahuan tentang klausa pengecualian menjadi punca peningkatan masalah terhadap pengguna. Sebagai contohnya, klausa 'kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan barang' sering termaktub didalam kontrak yang ditandatangani. Namun, pengguna yang tidak memahami mengenai klausa ini tidak mengetahui tentang tindakan yang perlu diambil sekiranya barang pembelian rosak. Kelemahan pengetahuan ini akan menyebabkan pengguna tidak dapat menuntut hak mereka (Elistina & Naemah, 2015).

Literasi undang-undang pengguna perlu diketahui oleh pengguna sejak peringkat awal lagi dan bukannya setelah ditipu oleh pemasar dalam pembelian produk dan perkhidmatan. Malahan menurut Decker (2014) literasi undang-undang pengguna perlu diajar daripada peringkat persekolahan malah pendidik sendiri perlu mempunyai ilmu tersebut bagi mendidik pelajar mereka tentang literasi undang-undang pengguna supaya dapat menyediakan diri dalam menghadapi cabaran yang akan datang. Tambahan pula, pembelajaran tentang literasi undang-undang perlu diketahui secara menyeluruh seperti dari segi mekanisme tebus rugi (Sakina et al., 2015), kontrak seragam (Suzanna et al., 2011) dan sebagainya. Literasi undang-undang bukan sahaja termaktub di dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 sahaja tetapi merangkumi pelbagai akta lain yang relevan dalam perlindungan pengguna.

Seterusnya, kelemahan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna merupakan satu perkara yang membimbangkan dalam konteks perlindungan pengguna. Dalam kajian Elistina et al. (2018) menunjukkan pengguna memperoleh sumber maklumat tentang produk pengguna melalui rakan iaitu sebanyak 68.8 peratus, 59 peratus mendapat maklumat daripada pengeluar produk dan 20.3 peratus mendapat maklumat daripada pihak kerajaan. Kekurangan literasi undang-undang pengguna menyebabkan pengguna akan menerima maklumat yang disampaikan oleh ketiga-tiga pihak tersebut tanpa sebarang keraguan kerana mereka sendiri tidak tahu untuk membaca label atau logo. Nurazlina et al. (2015) juga menjelaskan bahawa tahap pengetahuan pelabelan seperti logo halal berada pada tahap yang rendah iaitu sebanyak 33.8 peratus pengguna dapat mengenalpasti logo halal JAKIM yang sah. Justeru itu, literasi undang-undang pengguna adalah pada tahap yang rendah dan membimbangkan.

Seperti yang diketahui, Malaysia berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0 dan cabarannya. Kekurangan literasi undang-undang pengguna akan mendatangkan masalah terhadap pengguna kerana penghasilan produk akan menjadi lebih maju dan rumit. Perubahan ini akan membuat pengguna mudah terdedah dengan penipuan dari pihak pembekal sekiranya tidak mempunyai sebarang pengetahuan dari segi aspek pembekalan dan perkhidmatan barangan pengguna (Sabri & Hashim, 2017). Tanpa literasi pengguna akan lebih mudah keliru malahan perlindungan pengguna oleh undang-undang tidak akan berkesan sekiranya pengguna tidak menyedari berkaitan dengannya. Kekurangan literasi terhadap undang-undang pengguna juga boleh mengakibatkan pengguna tidak memahami tanggungjawab mereka sebagai seorang pengguna. Menurut Gabungan

Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (2017), keperluan literasi undang-undang pengguna sangat penting bagi memastikan tanggungjawab pengguna dapat dipenuhi seperti kesedaran untuk mengkritik, penglibatan dan tindakan pengguna dalam masyarakat, tanggungjawab sosial, bersatu padu dan tanggungjawab terhadap alam sekitar. Oleh sebab itu, literasi undang-undang pengguna dapat membantu pengguna menjadi lebih bertanggungjawab dan membentuk pengguna ataupun masyarakat yang maju (Mihailidis, 2019) di mana menurut McGregor (2019) adalah perlu untuk melahirkan pengguna yang berwarganegara 'consumer citizenship' iaitu pengguna yang bukan sahaja mementingkan hak mereka semata-mata namun perlu melaksanakan juga tanggungjawab mereka.

Seperti yang diketahui, literasi undang-undang pengguna merupakan sebahagian daripada pendidikan pengguna. Namun begitu, hasil daripada penerokaan terhadap kajian-kajian lepas masih berkurangan tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada literasi undang-undang pengguna. Rata-rata kajian lepas hanya melihat perkaitan antara faktor-faktor ini dengan tingkah laku pengguna seperti identiti diri (Brandle et al., 2018), nilai (Kirk, 2013), rakan (Mulyadi et al., 2016; Smedt et al., 2018), sistem pendidikan (Hwang et al., 2018) dan budaya (Hussein et al., 2016). Oleh itu, faktor yang menyumbang kepada literasi undang-undang pengguna perlu dikaji supaya ia menjadi panduan terhadap pihak yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan pengguna kepada masyarakat.

Hanya segelintir kajian yang menyentuh tentang literasi undang-undang pengguna. Sebagai contoh, kajian oleh Nardo et al. (2011) dan Simanjuntak et al. (2013). Nardo et al. (2011) mengkaji tiga aspek dalam menentukan literasi undang-undang pengguna individu iaitu dari segi kemahiran pengguna berdasarkan kemahiran kewangan tentang nombor dan asas kewangan serta literasi tentang logo dan simbol, tahap maklumat pengguna berdasarkan literasi pengguna tentang hak pengguna, amalan yang tidak adil daripada sektor pengiklanan, literasi tentang kerajaan dan badan bukan kerajaan yang melindungi pengguna dan terakhir sekali Nardo et al. (2011) turut mengkaji tentang *consumer assertiveness* berdasarkan tahap keberanian pengguna untuk membuat aduan dan pengalaman pengguna dalam menghadapi amalan curang pemasar. Manakala, Simanjuntak et al. (2013) mengkaji faktor dari segi media pendidikan pengguna, kejelasan bahan pendidikan pengguna dan kekerapan pendidikan pengguna. Ternyata, maklumat yang tepat perlu diketahui dalam menyediakan literasi undang-undang pengguna supaya medium penyampaian ilmu tersebut dapat disampaikan dengan betul kepada pengguna.

Seperti yang diketahui, kebanyakan kajian lepas yang mengaplikasikan Teori Sosial Kognitif tidak menekankan literasi pengguna tetapi lebih kepada kesan proses pembelajaran terhadap tingkahlaku pengguna (Chen et al., 2015; Mohamadi et al., 2010; Westerman et al., 2016). Oleh sebab itu, kajian ini telah mengadaptasi faktor dalam Teori Sosial Kognitif, bagi mengkaji pengaruhnya terhadap literasi undang-undang pengguna di Malaysia. Kajian ini akan memberi sumbangan secara signifikan kepada Teori Sosial Kognitif dalam mengaplikasikannya dalam konteks literasi undang-undang pengguna.

Selain itu, Teori Aktiviti diadaptasi bagi mengkaji pengaruh intensiti pendidikan pengguna sebagai pengantara antara faktor peribadi dan persekitaran serta literasi undang-undang pengguna di Malaysia. Pengaruh intensiti pendidikan pengguna dikaji yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu penggunaan media pendidikan pengguna dan bahan pendidikan pengguna (Simanjuntak et al. 2013). Intensiti pendidikan adalah perlu dikaji kerana KPDNHEP telah melakukan banyak program pendidikan dalam pelbagai medium komunikasi untuk disampaikan kepada masyarakat pengguna seperti Program Pendidikan dan Kesedaran Pengguna, Program Perlindungan Pengguna dan Program Pembangunan Gerakan Kepenggunaan. Ia adalah selari dengan Teori Aktiviti yang menyatakan bahawa pelbagai aktiviti dalam menyalurkan maklumat adalah pengantara yang terbaik dalam meningkatkan literasi individu. Oleh itu, adalah penting untuk menentukan kesan intensiti pendidikan ini sebagai satu pengantara untuk meningkatkan literasi undang-undang pengguna di Malaysia. Secara tidak langsung, kajian ini dapat melihat adakah program pendidikan dan penyaluran maklumat selama ini dijalankan oleh KPDNHEP dapat meningkatkan literasi undang-undang pengguna. Lantaran itu, adalah perlu untuk membentuk model bagi menerangkan faktor yang mempengaruhi literasi undang-undang pengguna di Malaysia disamping melihat pengaruh intensiti pendidikan sebagai faktor pengantara dalam meningkatkan literasi undang-undang pengguna di Malaysia.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, enam soalan telah dibentuk sebagai asas kepada objektif kajian. Enam soalan tersebut adalah:

- i. Apakah tahap literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia ?
- ii. Apakah tahap nilai, identiti diri, rakan, sistem pendidikan dan budaya dalam kalangan pengguna di Malaysia?
- iii. Apakah tahap intensiti pendidikan pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia?
- iv. Adakah faktor peribadi (nilai dan identiti diri), faktor persekitaran (rakan, sistem pendidikan dan budaya) dan intensiti pendidikan pengguna mempengaruhi literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia?
- v. Adakah intensiti pendidikan sebagai faktor pengantara antara nilai, identiti diri, rakan, sistem pendidikan dan budaya dengan literasi undang-undang pengguna di Malaysia?

1.4 Objektif Am

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi literasi undang-undang dalam kalangan pengguna di Malaysia.

1.5 Objektif Khusus

- i. Mengenalpasti tahap literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.
- ii. Menentukan tahap nilai, identiti diri, rakan, sistem pendidikan dan budaya dalam kalangan pengguna di Malaysia.
- iii. Mengenalpasti tahap intensiti pendidikan pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.
- iv. Menentukan sama ada faktor peribadi (nilai dan identiti diri), faktor persekitaran (rakan, sistem pendidikan dan budaya) dan intensiti pendidikan pengguna mempengaruhi literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.
- v. Menentukan sama ada intensiti pendidikan pengguna sebagai faktor pengantara antara nilai, identiti diri, rakan, sistem pendidikan dan budaya dengan literasi undang-undang pengguna di Malaysia.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian dalam kajian ini ialah :

H₀1: Faktor peribadi (nilai dan identiti diri), faktor persekitaran (rakan, sistem pendidikan dan budaya) dan intensiti pendidikan pengguna bukan merupakan faktor peramal terhadap literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

H₀1a: Tiada hubungan yang signifikan antara faktor identiti diri dan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna Malaysia.

H₀1b: Tiada hubungan yang signifikan antara faktor nilai dan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

H₀1c: Tiada hubungan yang signifikan antara faktor sistem pendidikan dan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

H₀1d: Tiada hubungan yang signifikan antara faktor budaya dan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

H₀1e: Tiada hubungan yang signifikan antara faktor rakan dan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

H₀1f: Tiada hubungan yang signifikan antara faktor intensiti pendidikan pengguna dan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

H₀2: Intensiti pendidikan pengguna bukan pengantara bagi hubungan antara faktor peribadi (nilai dan identiti diri) dan faktor persekitaran (rakan, sistem pendidikan dan budaya) dengan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

H₀2 a: Intensiti pendidikan pengguna bukan pengantara bagi hubungan antara nilai dan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

H₀2 b: Intensiti pendidikan pengguna bukan pengantara bagi hubungan antara identiti diri dan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

H₀2 c: Intensiti pendidikan pengguna bukan pengantara bagi hubungan antara rakan dan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

H₀2 d: Intensiti pendidikan pengguna bukan pengantara bagi hubungan antara sistem pendidikan dan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

H₀2 e: Intensiti pendidikan pengguna bukan pengantara bagi hubungan antara budaya dan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

1.7 Kepentingan Kajian

Dalam merungkai kepentingan kajian ini, pengkaji telah membahagikan kepentingan kajian kepada lima pihak yang berkaitan iaitu pengguna, pembekal, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kerajaan terutamanya Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan sarjana dalam bidang kepenggunaan. Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan faktor yang mempengaruhi literasi undang-undang. Berdasarkan objektif kajian, faktor peramal yang paling mempengaruhi dapat ditentukan dan perkara ini mampu membantu pihak berkepentingan untuk meningkatkan tahap literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

Bagi pihak pengguna, kepentingan kajian ini diharap dapat membantu pengguna untuk memahami literasi undang-undang pengguna dengan lebih mendalam serta memberikan input kepada pengguna untuk memenuhi hak dan tanggungjawab mereka sebagai seorang pengguna. Selain itu, pengguna turut mengetahui sama ada nilai, identiti diri, rakan, sistem pendidikan dan budaya mempengaruhi literasi undang-undang pengguna. Perkara ini membolehkan pengguna untuk menekankan faktor yang mempengaruhi bagi meningkatkan literasi undang-undang dalam diri mereka. Sebagai contoh, sekiranya hasil kajian mendapati rakan mempengaruhi literasi dalam diri individu maka pengguna boleh memilih rakan yang mempunyai ilmu kepenggunaan yang baik supaya pengguna turut sama belajar daripada rakan mereka. Secara tidak langsung, perkara ini dapat meningkatkan tahap literasi undang-undang dalam diri pengguna. Tambahan pula, kajian tentang intensiti pendidikan pengguna dapat mengetahui saluran media serta bahan pendidikan pengguna yang tepat bagi mendapatkan maklumat serta ilmu kepenggunaan.

Hasil daripada kajian ini turut membantu persatuan pengguna dalam membentuk pelbagai program pendidikan pengguna. Apabila kumpulan advokasi pengguna ini dapat mengetahui faktor yang paling mempengaruhi literasi undang-undang pengguna sama ada faktor nilai, identiti diri, rakan, sistem pendidikan dan budaya maka maklumat ini dapat digunakan untuk membuat penambahbaikan program kepenggunaan mereka. Pihak NGO juga dapat mengetahui kesan intensiti pendidikan dalam meningkatkan literasi pengguna. Sebagai contoh, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) boleh menggunakan hasil kajian ini untuk menambahbaik program yang sedia ada seperti Kempen Konsumer Kebangsaan (3K), Hari Pengguna Malaysia, kempen *Fit-In-Tariff*, pengguna berhemat dan pengurusan kewangan. Pihak FOMCA boleh memasukkan ilmu kepenggunaan dari segi literasi undang-undang pengguna dalam program mereka. Malah, mereka juga boleh mengetahui saluran media yang tepat untuk digunakan dalam menyalurkan sumber maklumat. Begitu juga Pusat Khidmat Aduan Pengguna (NCCC), dapatan kajian ini boleh digunakan untuk menambahbaik info pengguna yang terdapat dalam laman sesawang NCCC seperti biro kredit, caj kad, kad kredit, perbankan Islam, pinjaman perumahan dan sewa beli. NCCC boleh mengetahui aspek mana yang perlu ditekankan dalam pengisian mereka. Kesemua info pengguna boleh dikemaskini menggunakan maklumat yang tepat tentang literasi undang-undang pengguna di Malaysia yang diperolehi dari kajian ini bagi memudahkan pengguna untuk menyelesaikan sebarang isu kepenggunaan.

Bukan sahaja pengguna dan NGO mendapat manfaat daripada kajian ini, pembuat dasar berkaitan perlindungan pengguna boleh mendapat manfaat daripada kajian ini. Kementerian yang berkait langsung dengan isu kepenggunaan ialah KPDNHEP. Dapatan kajian ini boleh digunakan oleh kementerian bagi tujuan semakan dan penggubalan dasar baru yang berkaitan. Tambahan pula, Dasar Pengguna Negara kali terakhir disemak adalah pada tahun 2010 dan dapatan kajian ini diharap dapat memberi input kepada semakan akan datang yang sedang berjalan. Malahan, Pelan Tindakan Pengguna yang baharu juga akan dirangka untuk tahun 2020-2030 dan dapatan ini diharap dapat memberi input dalam penggubalan dasar dan pelan ini. KPDNHEP juga memainkan peranan dalam pendidikan pengguna selain daripada membuat dasar. Maka, KPDNHEP boleh menggunakan hasil dapatan kajian ini untuk menambahbaik ketiga-tiga program kepenggunaan iaitu Program Pendidikan dan Kesedaran Pengguna, Program Perlindungan Pengguna dan Program Pembangunan Gerakan Kepenggunaan supaya program lebih efektif dan berjaya dalam meningkatkan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

Selain itu, kajian tentang intensiti pendidikan pengguna dapat membantu program pendidikan yang dijalankan oleh KPDNHEP. Perkara ini disebabkan, bahan pendidikan pengguna yang dikenalpasti dalam intensiti pendidikan pengguna dapat membantu KPDNHEP untuk menyediakan bahan program pendidikan pengguna dengan lebih berinformasi tentang literasi undang-undang pengguna di Malaysia. Maka, apabila bahan pendidikan pengguna diterapkan dalam program pendidikan ia mampu melahirkan individu yang mempunyai sifat yang bertanggungjawab dalam memenuhi keperluan negara serta mempunyai pegangan yang kukuh dalam mengetahui aspek perundangan negara terutamanya dalam undang-undang pengguna. Secara tidak langsung, pengguna

yang mampu melindungi diri sendiri dapat menjadikan sebuah negara menjadi lebih maju kerana sifat masyarakatnya yang bertanggungjawab.

Dapatan kajian ini turut memberikan sumbangan terhadap perkembangan teori. Kajian ini mengaplikasikan Teori Sosial Kognitif oleh Bandura dalam mengkaji faktor yang paling mempengaruhi literasi undang-undang pengguna di Malaysia. Antara faktor yang dikaji ialah identiti diri, nilai, rakan, sistem pendidikan dan budaya. Teori ini banyak digunakan oleh pengkaji lepas dalam menerangkan tingkahlaku pengguna. Seperti yang diketahui, Teori Sosial Kognitif ini menerangkan proses pembelajaran dalam komuniti namun tiada pengkaji mengadaptasikannya dalam konteks pembelajaran dalam konteks undang-undang. Lantaran itu, model yang dibentuk dalam kajian ini akan dapat menerangkan literasi undang-undang berdasarkan pemboleh ubah dalam Teori Sosial Kognitif.

Teori Aktiviti Engestrom turut diaplikasikan dalam kerangka kajian bagi menyokong Teori Sosial Kognitif disamping mengenalpasti kesan intensiti pendidikan pengguna dalam literasi undang-undang pengguna. Medium dan bahan pendidikan adalah pengantara (*mediator*) antara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar dalam kajian ini seperti yang dicadangkan oleh Engestrom di dalam Teori Aktiviti. Namun begitu, kajian lepas banyak menggunakan teori ini dalam konteks pembelajaran di sekolah tetapi kajian ini mengadaptasikannya dalam konteks pendidikan undang-undang pengguna. Perkara ini turut merupakan sebahagian daripada sumbangan terhadap perkembangan teori di Malaysia dalam bidang sains pengguna. Gabungan kedua-dua teori ini akan membentuk model dan seterusnya dapat menjelaskan literasi undang-undang pengguna di Malaysia.

Seterusnya, pengukuran yang digunakan dalam kajian ini boleh digunakan untuk kajian pada masa akan datang. Seperti yang diketahui, pengukuran dalam bidang sains pengguna adalah sangat terhad. Nardo et al. (2011) dan Paim et al. (2017) telah membentuk pengukuran bagi mengukur pendayaupayaan pengguna. Namun, dalam instrumen yang dibangunkan oleh pengkaji-pengkaji ini hanya tiga item sahaja yang berkaitan literasi undang-undang pengguna dan ia diletakkan di bawah domain kesedaran undang-undang iaitu amalan yang tidak adil, tempoh bertenang dan tempoh gerenti (Nardo et al., 2011). Oleh itu, adalah perlu untuk membentuk pengukuran yang khusus untuk mengukur literasi undang-undang pengguna. Domain dan indikator telah dikenalpasti oleh Norhafifah et al. (2018) di dalam kajian beliau di peringkat sarjana. Dapatan tersebut dilanjutkan dalam kajian ini bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan terhadap instrumen yang dibentuk. Pengukuran ini bukan sahaja bermanfaat kepada kajian ini tetapi juga dapat digunakan oleh pengkaji lain dalam bidang sains pengguna.

Kesimpulannya, pelbagai manfaat boleh diperolehi oleh pengguna, kerajaan, NGO dan pengkaji bidang kepenggunaan seperti penambahbaikan pelbagai program, penyemakan dan cadangan Dasar Pengguna Negara terutamanya dalam aspek literasi undang-undang

pengguna serta instrumen yang khusus untuk mengukur literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia.

1.8 Skop dan Limitasi Kajian

Kajian ini telah mengadaptasikan Teori Sosial Kognitif dan Teori Aktiviti bagi membentuk model untuk menerangkan faktor-faktor peramal yang boleh meningkatkan literasi undang-undang pengguna dalam kalangan pengguna di Malaysia. Namun, hanya beberapa faktor yang diuji yang meliputi faktor peribadi iaitu identiti diri dan nilai serta faktor persekitaran iaitu rakan, sistem pendidikan dan budaya. Seterusnya, faktor pengantara bagi pembolehubah-pemboleh ubah ini ialah intensiti pendidikan pengguna yang merangkumi media pendidikan pengguna dan bahan pendidikan pengguna seperti yang diadaptasikan daripada kajian Simanjuntak et al. (2013). Walaupun, Teori Sosial Kognitif melihat kepada banyak faktor lain namun hanya lima faktor ini diuji kerana berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan dan akan dibincangkan dalam Bab 2 nanti, lima faktor ini mempunyai kaitan dengan peningkatan literasi dalam sesebuah komuniti. Faktor lain lebih menjurus kepada perubahan tingkahlaku dalam masyarakat dan bukannya peningkatan literasi. Kelima-lima pembolehubah ini banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji dahulu dalam konteks literasi walaupun tidak menyentuh literasi undang-undang pengguna secara spesifik.

Begitu juga, walaupun Teori Sosial Kognitif diaplikasikan, proses timbal balik dalam teori tersebut tidak diuji. Sebagai contoh, kajian hanya melihat sejauhmana faktor peribadi mempunyai perkaitan dengan literasi dan bukan sebaliknya. Hal ini adalah kerana objektif kajian ialah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi literasi undang-undang pengguna dan bukannya kepentingan literasi dalam mengubah tingkahlaku pengguna. Oleh itu, aspek lain seperti amalan dan tingkahlaku tidak dikaji walaupun Teori Sosial Kognitif menyentuh berkaitan tingkah laku individu sebagai salah satu proses dalam pembelajaran.

Instrumen yang digunakan untuk mengukur literasi undang-undang pengguna juga berdasarkan domain dan indikator yang dikenalpasti melalui FGD dalam kajian Norhafifah et al. (2018) dimana sebanyak 48 pernyataan telah dibentuk. Domain dan indikator ini telah dikenalpasti melalui Perbincangan Kumpulan Berfokus yang dilakukan dalam kajian Norhafifah et al. (2018) dan instrumen ini telah menjalani proses kesahan dan kepercayaan sebelum mendapat Hak Cipta dengan nombor pemfailan LY2015001806 bagi versi soalan Bahasa English dan LY20150001807 bagi versi soalan Bahasa Melayu. Namun, instrumen ini sekali lagi diuji kesahan dan kepercayaan dalam kajian ini melalui ujian Analisis Rasch. Maka, tidak timbul isu mengapa hanya 48 item ini sahaja yang digunakan bagi mengukur literasi undang-undang pengguna.

Kajian ini juga hanya melibatkan 500 orang responden yang dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak berperingkat. Oleh itu, tidak semua negeri akan dipilih kerana pemilihan lokasi kajian akan dilakukan berdasarkan cabutan negeri berasaskan zon. Namun, persampelan rawak berperingkat yang dipilih merupakan persampelan

probability dan dapatan kajian boleh mewakili populasi pengguna di Malaysia. Perbincangan lanjut berkaitan kaedah persampelan dapat dilihat dalam Bab 3.

1.9 Definisi Istilah

1.9.1 Literasi

Definisi Konseptual: Pengetahuan boleh didefinisikan sebagai kapasiti untuk mengekalkan, memperoleh dan menggunakan maklumat serta mempunyai campuran kefahaman, kearifan, pengalaman dan kemahiran (Jamilah et al., 2011). Menurut Zagzebski (2017) pengetahuan ialah satu peringkat tertinggi bagi individu dalam aspek pemikiran kerana ia mampu mengaitkan pengetahuan yang diperolehi dengan dunia realiti.

Definisi Operasional: Literasi didefinisikan sebagai menyedari, mengetahui dan memahami tentang sesuatu maklumat yang diterima oleh individu. Literasi dalam kajian ini membabitkan pengguna menyedari, mengetahui dan memahami sesuatu maklumat.

1.9.2 Undang – Undang Pengguna

Definisi Konseptual: Undang - undang pengguna ialah undang - undang yang menekankan hak pengguna dalam pembekalan barang dan perkhidmatan, keselamatan barang dan perkhidmatan, liabiliti produk, pelakuan yang mengelirukan dan memperdaya serta remedi pengguna (Afida et al., 2014).

Definisi Operasional: Undang-undang pengguna bermaksud undang-undang yang merangkumi isu keselamatan pengguna, label ataupun logo, pembekalan barangan dan perkhidmatan, tanggungjawab pengguna dan mekanisme tuntutan ganti rugi. Definisi ini merujuk kepada item dalam soal selidik yang telah menjalani ujian analisis faktor.

1.9.3 Literasi undang-undang pengguna

Definisi Konseptual : Elizabeth (2009) menjelaskan bahawa literasi undang-undang ialah kemahiran untuk menulis maklumat dan memahami sistem mahkamah untuk mencapai matlamat dalam sesebuah sistem keadilan, kesedaran tentang undang-undang yang boleh membuatkan individu berani dalam mendapatkan keadilan serta percaya sistem ini menyediakan remedi sekiranya hak mereka dicabuli. Literasi undang-undang pengguna pula merupakan salah satu proses pendayaupayaan pengguna yang berkait dengan pengetahuan tentang hak pengguna serta membentuk pengguna untuk memberi tindak balas dalam perundangan yang sedia ada (Pandey & Shukkur, 2017).

Definisi Operasional : Literasi undang-undang pengguna didefinisikan sebagai menyedari, mengetahui dan memahami tentang maklumat berkaitan undang-undang. Ia merangkumi undang-undang tentang isu keselamatan, label ataupun logo, pembekalan barangan dan perkhidmatan, tanggungjawab pengguna dan mekanisme tebus rugi. Di dalam kajian ini, literasi undang-undang diukur dengan melihat sejauh mana pengguna mengetahui tentang pernyataan seperti yang diberikan di bawah undang-undang.

1.9.4 Hak pengguna

Definisi Konsepsual: Hak pengguna bermaksud hak yang dimiliki oleh pengguna merangkumi hak untuk mendapatkan keperluan asas, hak untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang selamat, hak untuk mendapatkan maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk menyuarakan pendapat, hak untuk mendapat ganti rugi, hak untuk mendapat pendidikan pengguna, hak untuk hidup dalam alam sekitar yang sihat dan selamat (Majlis Tindakan Pengguna Negara, 2017).

Definisi Operasional: Secara asasnya hak pengguna dalam kajian ini merangkumi delapan-lapan hak pengguna yang diiktiraf oleh Consumer International iaitu hak untuk mendapatkan keperluan asas, hak untuk mendapatkan keselamatan, hak untuk mendapatkan maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk bersuara, hak untuk mendapatkan ganti rugi, hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna dan hak untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat dan selamat.

1.9.5 Nilai

Definisi Konsepsual : Nilai merupakan konsep dimana pelaku sosial iaitu individu menilai kepentingan tindakan diri mereka sendiri atau orang lain (Rokeach 1973 & Schwartz, 1992). Nilai pengguna merujuk kepada satu prinsip yang dipegang oleh pengguna semasa membuat keputusan (Anwar & Bishan, 1991). Menurut Anwar dan Bishan (1991), nilai pengguna terdiri daripada nilai wang, kemanusiaan, demokratik, keadilan dan persekitaran.

Definisi Operasional : Nilai pengguna merujuk kepada prinsip yang dipegang atau dijadikan panduan oleh individu sebagai pengguna yang diukur melalui setiap tahap nilai pengguna yang disenaraikan. Nilai ini diukur berdasarkan sejauh mana pengguna berasa penting tentang prinsip yang dipegang dalam kehidupan mereka seperti berjimat.

1.9.6 Identiti diri

Definisi Konsepsual: Identiti diri bermaksud pengumpulan pengetahuan tentang diri sendiri seperti kepercayaan diri tentang ciri-ciri personaliti, kemahiran, nilai, matlamat dan peranan diri (Lewis, 1990).

Definisi Operasional: Identiti diri ialah persepsi pengguna terhadap diri sendiri iaitu sejauh mana mereka merasakan diri mereka amat mementingkan isu kepenggunaan. Ia diukur melalui sejauh mana mereka merasakan diri mereka bersetuju untuk terlibat dalam aktiviti kepenggunaan seperti mengambil berat dalam isu kepenggunaan.

1.9.7 Sistem Pendidikan

Definisi Konseptual: Aktiviti pembelajaran yang dijalankan secara berterusan dengan tujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan (Suruhanjaya Komuniti Eropah, 2000).

Definisi Operasional: Sejauh mana pengguna bersetuju dengan peranan sistem pendidikan persekolahan di Malaysia dalam membentuk literasi pengguna. Ia diukur menggunakan tujuh item yang melihat persepsi responden terhadap fungsi sistem pendidikan terhadap pengguna seperti sistem pendidikan menyampaikan ilmu pengetahuan.

1.9.8 Intensiti Pendidikan Pengguna

Definisi Konseptual: Intensiti pendidikan pengguna didefinisikan sebagai keberkesanan bahan-bahan rutin yang diajar, kejelasan sumber maklumat dan bahan yang dibentangkan serta kecekapan kaedah yang digunakan untuk menyampaikan pendidikan pengguna (Simanjuntak et al., 2013).

Definisi Operasional: Intensiti pendidikan pengguna merujuk kepada dua bahagian iaitu penggunaan media pendidikan pengguna dan bahan pendidikan pengguna yang diukur melalui kekerapan media pendidikan pengguna dan kekerapan bahan pendidikan pengguna. Ia adalah selari dengan instrumen dan definisi yang diberikan oleh Simanjuntak et al. (2013) di atas.

1.9.9 Budaya

Definisi Konseptual: Budaya merupakan satu perkongsian ahli kumpulan sosial terhadap satu set kepercayaan, norma dan minat (Brown et al., 2018).

Definisi Operasional: Budaya ialah proses pembelajaran masyarakat dalam meningkatkan kecekapan, komunikasi, kerjasama dengan institusi dan motivasi masyarakat yang diukur melalui tahap kepentingan proses pembelajaran. Budaya dalam kajian ini merujuk budaya yang berasaskan pembelajaran secara berterusan dalam masyarakat seperti pembelajaran ialah keperluan asas sesuatu budaya untuk meningkatkan kecekapan masyarakat.

1.10 Rumusan

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dibincangkan dalam bab ini menunjukkan keperluan untuk mengkaji literasi undang-undang pengguna. Dalam sains pengguna banyak kajian lebih menjurus kepada tingkahlaku pengguna namun sangat kurang berkaitan literasi undang-undang pengguna. Kepentingan literasi undang-undang tidak dapat dinafikan kerana pengguna harus sedar, tahu dan faham akan hak-hak mereka termasuklah sebelum, semasa dan selepas transaksi. Berdasarkan permasalahan ini, objektif dan hipotesis telah dibentuk. Bab yang seterusnya akan membincangkan sorotan literatur dan kerangka teori dengan lebih mendalam bagi mengenalpasti jurang dalam kajian sehingga terbentuk kerangka kajian ini.

RUJUKAN

- Abbott, K.P. (2012). *The influence of the family on adolescent academic achievement*. Masters Dissertations. <https://lib.dr.iastate.edu/etd/12257>
- Abdal, A., Torres-Freire, C. E., & Callil, V. (2016). Rethinking sectoral typologies: A classification of activity according to knowledge and technological intensity. *RAI Revista de Administração e Inovação*, 13(4), 232-241. <https://doi.org/10.1016/j.rai.2016.09.006>
- Abu, N. E. B., & Eu, L. K. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1-10.
- Abyad, A. (2017). Importance of Consumer Trust in e-commerce. *Middle East Journal of Business*, 55(4182), 1-5.
- Adnan, M. H. (2016). Human Rights and Consumer Education for Better Quality of Life. *Jurnal Kinabalu*, 18, 118-144.
- Adreyeva, T., Long, M.W., & Brownell, K.D. (2010). The impact of food prices on consumption. A systematic review of research on the price elasticity of demand for food. *American Journal of Public Health*, 100 (20). 216 – 222.
- Afida, M. M. A., Elistina, A.B., & Syuhaily, O. (2014). *Perlindungan ke arah memperkasakan pengguna di Malaysia*. Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA).
- Afzal, F., Shao, Y., Sajid, M., & Afzal, F. (2019). Market sustainability: A globalization and consumer culture perspective in the Chinese retail market. *Sustainability*, 11(3), 1-24. <https://doi.org/10.3390/su11030575>
- Afthanorhan, W. M. A. B. W., Ahmad, S., & Mamat, I. (2014). Pooled Confirmatory Factor Analysis (PCFA) using structural equation modeling on volunteerism program: A step by step approach. *International Journal of Asian Social Science*, 4(5), 642-653.
- Ait, K. Rannikmae, M., Soobard, R., Reiska, P., & Holbrokk, J. (2015). Students Self Efficacy and Values Based on A 21st Century Vision of Scientific Literacy a Pilot Study. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 177, 491-495. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.403>
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179-211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Akin, O.S., & Folorunso, B.E. (2014). Self Concept and Academic Performance of Secondary School Students in Chemistry. *International Journal Social Science Education*, 4 (4), 946-952.

Akta Perlindungan Pengguna , Act., 599. (2011). *Akta Perlindungan Pengguna 1999 (ACT 599), Regulation & Order*. International Law Book Services.

Akta Pemajuan perumahan. Seksyen 1 sehingga 24.<http://www.Akta118y1966%20.Pdf>.

Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan. Seksyen 1 sehingga 63. (2011).[http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20723%20\(REPRINT%202018\).pdf](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20723%20(REPRINT%202018).pdf)

Akta Kualiti Alam Sekitar. Seksyen 1 sehingga 51. (1974). https://www.doe.gov.my/portalv1/wpcontent/uploads/2015/01/Akta_Kualiti_Alam_Sekeliling_1974_-_ACT_127.pdf

Akta Bankrap. Seksyen 1 sehingga 139. (1967). <http://www.mdi.gov.my/images/documents/Laws/new/Act360Reprint2017.pdf>

Akta Perihal Dagangan. Seksyen 1 sehingga 71. (2011). [http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akt%20730%20\(REPRINT%202018\).pdf](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akt%20730%20(REPRINT%202018).pdf)

Akta Sewa Beli. Seksyen 1 sehingga 58. (1967). <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/EN/Act%20212%20-%20HirePurchase%20Act%201967.pdf>

Akta Kontrak 1950. Seksyen 1 sehingga 55. (1950). <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20137.pdf>

Akta Pemegang Pajak Gadai. Seksyen 1 sehingga 49. (1972). [http://www.Akta81y1972bm%20\(2\).pdf](http://www.Akta81y1972bm%20(2).pdf)

Akta Pemberi Pinjam Wang. Seksyen 1 sehingga 21. (1951). [http://www.Pua400y2003bm%20\(1\).pdf](http://www.Pua400y2003bm%20(1).pdf)

Akta Makanan. Seksyen 1 sehingga 36. (1983). [http://www.deda6a1b297dc1a561affee762728%20\(1\).pdf](http://www.deda6a1b297dc1a561affee762728%20(1).pdf)

Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid. Seksyen 1 sehingga 45. (1993).[http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20500%20-%20Akta%20Jualan%20Langsung%20dan%20Skim%20Anti-Piramid%201993%20\(Cetakan%20Semula%202013\).pdf](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20500%20-%20Akta%20Jualan%20Langsung%20dan%20Skim%20Anti-Piramid%201993%20(Cetakan%20Semula%202013).pdf)

Akta Timbang Sukat. Seksyen 1 sehingga 35. (1972).<http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/EN/Akta%2071-2009.pdf>

Akta Kawalan Bekalan. Seksyen 1 sehingga 16. (1961). <https://www.sedia.com.my/gerek-iks/papers-km/3-2-KPDNKK.pdf>

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Seksyen 1 sehingga 67. (1994).<https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/perundangan/akta/563-02-akta-keselamatan-dan-kesihatan-pekerjaan-1994-akta-514/file>

- Akta Perdagangan Elektronik. Seksyen 1 sehingga 25. (2006).<http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20658.pdf>
- Akta Larangan Kumpulan Wang Kutu. Seksyen 1 sehingga 13. (1971).[http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/JW002043%20\(Akta%2028\).pdf](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/JW002043%20(Akta%2028).pdf)
- Akta Cap Dagangan. Seksyen 1 sehingga 84. (1976).<https://www.kpdnhep.gov.my/images/dokumen/awam/perundangan/22-bm-Akta-Cap-Dagangan-1976-sehingga-1-1-2006.pdf>
- Albeerdy, M. I., & Gharlegghi, B. (2015). Determinants of the financial literacy among college students in Malaysia. *International Journal of Business Administration*, 6(3). <https://doi.org/10.5430/ijba.v6n3p15>
- Albornoz, F., Cabrales, A., & Hauk E. (2018). Immigration and the school system. *Economic Theory*, 65(4),855–890.<https://doi.org/10.1007/s00199-017-1041-4>
- Anwar, F., & Bishan, S. (1991). *Consumer Education: A resource handbook*. Penang Malaysia: International Organization of Consumers Unions. Diperoleh dari http://www.ciroap.org/ce/doc/ce_a_resource_handbook.pdf
- Anderson, J. C., & Gerbing, D. W. (1988). Structural equation modeling in practice: A Review and recommended two-step approach. *Psychological Bulletin*, 103 (3), 411-423.
- Apriliya, S., Sunendar, D., Mulyati, Y., & Sumiyadi, M. (2018, July). *Social Identity In Indonesian Children's Literature: Materials of Self-Literacy for Elementary Students*. In 2018 3rd International Conference on Education, Sports, Arts and Management Engineering (ICESAME 2018). Atlantis Press.
- Ariffin, S. R., Omar, B., Isa, A., & Sharif, S. (2010). Validity and reliability multiple intelligent item using rasch measurement model. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 9, 729-733.<http://doi:10.1016/j.sbspro.2010.12.225>
- Arens, A. K., Schmidt, I., & Preckel, F. (2019). Longitudinal relations among self-concept, intrinsic value, and attainment value across secondary school years in three academic domains. *Journal of Educational Psychology*, 111(4), 663-684. <http://dx.doi.org/10.1037/edu0000313>
- Azer, S.A., & Azer. S. (2016). 3D anatomy models and impact on learning: A review of the quality of the literature. *Health Professions Education*, 2(2), 80-98. <http://doi.org/10.1016/j.hpe.2016.05.002>.
- Azizi Y., Peter V., Ismail M., & Mohd, M. D. A. (2017). Kaedah penyelidikan dalam pendidikan. Pejabat Karang Mengarang UPSI.
- Bandura, A. (1978). Social learning theory of aggression. *Journal of Communication*, 28(3), 12-29.
- Bandura, A. (1982). Self-efficacy mechanism in human agency. *American Psychologist*, 37(2), 122-147.

- Bandura, A. (1986) . *Social foundations of thought and action : a social cognitive theory*. Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1989). Human agency in social cognitive theory. *American Psychologist*, 44(9), 1175-1184.
- Bandura, A. (1993). Perceived self-efficacy in cognitive development and functioning. *Educational Psychologist*, 28(2), 117-148.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control* . WH Freeman.
- Bandura, A. (1999). Moral disengagement in the perpetration of inhumanities. *Personality and Social Psychology Review*, 3(3), 193-209.
- Bandura, A. (2002). Social cognitive theory in cultural context. *Applied Psychology*, 51(2), 269-290.
- Bandura, A. (2008). Social cognitive theory of mass communication. In J. Bryant & M. B. Oliver (Eds.), *Media Effects: Advances in Theory and Research* (pp. 94-124). Routledge.
- Bannister, R. (1996). *Consumer Education in The United States. A Historical Perspective*. National Institute for Consumer Education, Eastern Michigan University.
- Barab, S., & Duffy, T. (1999). From practice fields to communities of practice. In D. Jonassen and S. Land (Ed) (pp 1-33), *Theoretical Foundations of Learning Environments*. Erlbaum.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator–mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51(6), 1173-1182.
- Batool, S. S., & Batool, S. A. (2018). Levels of education, age, legal awareness and women's empowerment. *Journal of Research & Reflections in Education (JRRE)*, 12(2), 1-19.
- Beijaard D. (2019) Teacher learning as identity learning: models, practices, and topics, *Teachers and Teaching*, 25(1), 1-6. <http://doi:10.1080/13540602.2019.1542871>
- Belvedere, S. L., & de Morton, N. A. (2010). Application of Rasch analysis in health care is increasing and is applied for variable reasons in mobility instruments. *Journal of Clinical Epidemiology*, 63(12), 1287-1297.
- Bell, D., Carl, A., & Swart, E. (2016). Students with hearing impairment at a South African university: Self-identity and disclosure. *African Journal of Disability*, 5(1), 229-238. <http://dx.doi.org/10.4102/ajod.v5i1.229>

- Berkman, E. T., Livingston, J. L., & Kahn, L. E. (2017). Finding the self in self-regulation the identity-value model. *Psychological Inquiry*, 28(2-3), 77-98. <http://doi:10.1080/1047840X.2017.1323463>
- Billaiya, R., Malaiya, S., & Parihar, K. S. (2017). Impact of socio economic trends on students in quality education system. *International Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 16-20. <http://dx.doi.org/10.21744/ijssh.v1i1.10>
- Brandle, L., Berger, E. S., Golla, S., & Kuckertz, A. (2018). I am what I am-how nascent entrepreneurs' social identity affects their entrepreneurial self-efficacy. *Journal of Business Venturing Insights*, 9, 17-23. <http://doi:10.1016/j.jbvi.2017.12.001>
- Brezis, E. S., & Hellier, J. (2018). Social mobility at the top and the higher education system. *European Journal of Political Economy*, 52, 36-54. <https://doi.org/10.1016/j.ejpoleco.2017.04.005>
- Brown, J. S., Collins, A., & Duguid, P. (1989). Situated cognition and the culture of learning. *Educational Researcher*, 18(1), 32-42.
- Brown, M., Henchoz, C., & Spycher, T. (2018). Culture and financial literacy: evidence from a within-country language border. *Journal of Economic Behavior & Organization*, 150, 62-85. <https://doi.org/10.1016/j.jebo.2018.03.011>
